



■ **DATUK** Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku presiden UMNO, riang mengoperasikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT), di Kuala Lumpur, semalam.

Timbalannya, Datuk Musa Hitam, pula kelihatan memikirkan sesuatu.

Sementara Setiausaha Agung UMNO, Datuk Haji Mustapha Jabar, meneliti catatan dalam failnya, manakala Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, tersenyum mendengar perbincangan mesyuarat tersebut. - Gambar BM oleh MOHD. YUSOF.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

17 bekas anggota parti lawan kini ahli UMNO

KUALA LUMPUR, Sabtu — Seramai 17 bekas anggota parti-parti pembangkang hari ini diterima sebagai ahli UMNO.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sebagai presiden UMNO, ketika mengumumkan ini hari ini berkata, 15 dari mereka adalah dari DAP, seorang dari PAS dan seorang dari PSRM.

Ketika menemui para pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT) pertama tahun ini, beliau berkata, bekas anggota-anggota DAP itu adalah dari Jasin, Melaka.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mengulas lebih lanjut mengenai perkara tersebut.

Bekas ahli PAS yang diterima oleh UMNO ialah Encik Mohamad Sayuti bin Muhamad Ilham dari Bagan Datuk, manakala bekas penyokong PSRM ialah Encik Mohd. Zain bin Malek, dari Kuantan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, MT juga bersetuju memecat dua ahli UMNO kerana melanggar peraturan parti.

Keputusan-keputusan lain mesyuarat itu ialah memberi amaran kepada dua ahli, menggantung keanggotaan seorang

lagi selama setahun dan meminta tiga ahlinya mengemukakan surat menyatakan mengapa tindakan disiplin tidak harus diambil ke atas mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengumumkan, Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita akan diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28 Julai, diikuti oleh Perhimpunan Agung UMNO

selama tiga hari mulai 29 hingga 31 Julai.

Timbalan presiden, Datuk Musa Hitam, berkata mereka yang dipecat ialah Datuk Haji Mohd. Salleh Imali dari Bahagian Hulu Terengganu, beraskan perakuan bahagian dan pengesahan Jawatankuasa Perhubungan Negeri, dan Encik Adnan Mat Akhir dari Bahagian Benteng, Pahang.

Datuk Musa, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Disiplin UMNO, berkata penggantungan keanggotaan Haji Ahmad Haji Abdul Rahman dari Bahagian Hulu Terengganu ialah untuk setahun.

Encik Hassan bin Kasa, dari Bahagian Raub dan Haji Saad bin Hussain, dari Bahagian Ulu Muda diberi amaran.

Mereka yang diminta mengemukakan surat menyatakan mengapa tindakan disiplin tidak boleh diambil, mengikut Fasal 24 Perlembagaan UMNO, ialah Encik Zakaria Mohd. Shariff, dari Bahagian Alor Gajah dan Encik Haniff Haji Shaidi dan Harun bin Haji Mat Piah. Kedua-duanya dari Bahagian Selayang, Selangor.

Surat mereka mesti dikemukakan dalam masa dua minggu.

Datuk Musa berkata, tindakan ke atas mereka diambil setelah bahagian-bahagian dan Jawatankuasa Perhubungan Negeri berkenaan memberi laporan serta perakuan masing-masing. Mereka juga diberi peluang membela diri, sama ada secara surat atau lisan.

Menurut Datuk Musa, setiap butir ditulis dengan teliti oleh Jawatankuasa Disiplin, sebelum dibawa kepada MT.

No. Siri 5684
No. Penerbitan 1/86